



KENYATAAN MEDIA

untuk siaran segera

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD DAN MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU BANDAR RAYA ISLAM

KOTA BHARU, 9 Mac 2020 – Bank Muamalat Malaysia Berhad (“Bank Muamalat”) dan Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (“MPKB”) hari ini telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman dalam usaha membangunkan industri perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Kota Bharu, Kelantan.

Pada majlis tersebut, Bank Muamalat diwakili Naib Presiden Eksekutif Perbankan Perniagaannya, Nor Hamidah Abu Bakar manakala Majlis Perbandaran Kota Bharu diwakili Ketua Ahli Majlis, Haji Muhamad Azmi Nor. Upacara menandatangani memorandum persefahaman ini turut disaksikan Khairul Kamarudin, Ketua Pengawai Eksekutif Bank Muamalat dan Haji Mohd Hariff Ghazali, Setiausaha MPKB.

Menurut Hamidah, kerjasama bersama MPKB ini merupakan program lanjutan kepada kerjasama strategik yang telah dijalankan bersama SIRIM Berhad sebelum ini bagi Progam Pembiayaan SIRIM Fraunhofer dimana Bank Muamalat berperanan sebagai pemberi pembiayaan kepada PKS yang menyertai program tersebut.

Dibawah kerjasama ini, PKS yang terlibat dalam sektor pembuatan di Kota Bharu akan diberi pendedahan kepada Program SIRIM Fraunhofer dan sekiranya layak, akan menerima kemudahan pembiayaan daripada Bank Muamalat serta geran dan khidmat nasihat teknikal daripada SIRIM bagi membantu meluaskan perniagaan mereka. Selain program Pembiayaan SIRIM Fraunhofer, pengusaha PKS juga akan diperkenalkan dengan produk dan perkhidmatan kewangan lain yang sedia ada di Bank Muamalat, serta program pembangunan yang berkaitan di bawah SIRIM.

Hamidah juga berkata, Bank Muamalat sentiasa mengalu-alukan kerjasama pelbagai pihak terutamanya agensi-agensi kerajaan dalam membangunkan industri PKS negara.

“PKS merupakan tulang belakang kepada ekonomi Malaysia, menyumbangkan 37% dari Keluaran Dalam Negara Kasar (“KDNK”) pada masa ini. Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai program pembangunan dan sokongan untuk membantu PKS meluaskan perniagaan mereka, termasuklah menggalakkan penggunaan teknologi bagi meningkatkan produktiviti” jelas beliau.

Hamidah berkata Bank Muamalat juga akan membantu pengusaha PKS dari segi menyediakan kemudahan pembiayaan yang sesuai dengan keperluan perniagaan mereka. Jelas beliau, ini selaras dengan konsep Value-based Intermediation (VBI) yang bermatlamat untuk mencapai Maqasid Syariah dan menghasilkan impak positif dan mampan kepada ekonomi, komuniti dan alam sekitar.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi:

Saidatul Leiza Suleiman: +6011 1061 5266 | leiza@muamalat.com.my

- TAMAT -